

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Kerjaya adalah satu siri pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu. Ada yang bekerja tetap tanpa sebarang pertukaran dan ada pula yang bertukar-tukar hingga tamat perkhidmatan. Keadaan ini menunjukkan perlunya ada persediaan untuk menentukan kerjaya seseorang sebelum menempoh alam yang sebenarnya. Super (1957) menegaskan bahawa pemilihan kerjaya adalah penting kerana kerjayalah yang akan menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang. Oleh yang demikian, faktor utama atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat.

Banyak lagi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Menurut ahli-ahli teori perkembangan kerjaya Hollingshead (1949), Holland (1966), Dan Roe (1954) terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu;

1. Bakat dan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu.
2. Minat
3. Personaliti yang meliputi konsep diri, nilai dan kehendak

Crow (1967) juga menekankan tiga perkara sebelum seseorang itu menceburi sesuatu bidang pekerjaan iaitu

- 1) Keupayaan, minat dan sifat peribadi.
- 2) Bidang pekerjaan dan syarat-syaratnya.

3) Kebolehan yang dikehendaki dalam pekerjaan.

Menurut Crow, sebab-sebab utama mengapa seseorang individu itu menceburi diri dalam pekerjaan ialah mempunyai darjah minat yang tinggi terhadap aktiviti-aktiviti pekerjaan dan mempunyai keupayaan personal untuk mendapat kepuasan daripada pekerjaan yang diceburi.

Pemilihan kerjaya merupakan satu tugas yang penting dalam perkembangan remaja (Conger, 1973) kerana kerjaya yang akan menentukan masa depan mereka dan identiti remaja. Di samping itu, individu akan mempelajari peluang-peluang yang ada serta menentukan corak kerjaya yang akan diceburi dan mencorakkan kehidupannya dalam masyarakat.

Sehubungan dengan kenyataan di atas, ketiadaan minat dalam sesuatu kerjaya dan bidang akan menyebabkan berlakunya pertukaran pekerjaan. Pembaziran masa dan tenaga serta *brain drain* dalam sektor pekerjaan.

Dewasa ini, pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit ditambah pula keadaan ekonomi yang meleset. Ramai pekerja yang dibuang dan ruang atau peluang pekerjaan semakin sedikit. Sedangkan, manusia sekarang ini mempunyai pelbagai kebolehan dalam bidang pekerjaan dan pendidikan melalui pengkhususan. Ini menyebabkan remaja semakin rungsing dan kusut. Terutamanya bagi remaja yang tidak dapat mengagakkan dengan baik tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka. Hasilnya kerjaya yang dipilih tidak bersesuaian dengan minat yang ada pada mereka (Sharp & Marva).

Merujuk kepada pendapat Sharp dan Marva, minat terhadap sesuatu kerjaya merupakan satu aspek yang penting dalam pendidikan dan pekerjaan di Malaysia. Ini bersesuaian dengan pendapat Ginzberg dan Associates 1972 yang menyatakan bahawa proses pemikiran sesuatu kerjaya adalah hasil persetujuan dan kesesuaian antara minat dan kebolehan dalam bidang kerjaya.

Justeru itu, menurut Rohany Nasir (1985), masa persekolahan terutama sekali pada peringkat sekolah menengah merupakan masa yang penting bagi membantu kesedaran, membuat perancangan serta membuat keputusan berhubung dengan kerjaya. Ia juga penting bagi mereka untuk memilih kerjaya yang akan diceburi kerana mereka sendiri yang akan menentukan apa yang akan dilakukan bila tamat persekolahan. Pemilihan bidang kerjaya mungkin tidak timbul bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik kerana telah wujud pengkhususan dalam bidang kerjaya. Tetapi sejauh manakah minat mereka terhadap bidang kerjaya yang diceburi,

1.2 Pernyataan Masalah

Sehingga kini banyak kajian yang dibuat berkaitan dengan kerjaya. Walau bagaimanapun kajian tentang minat di kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya masih berkurangan. Oleh itu, pengkaji merasakan perlu dibuat kajian tentang minat di kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya yang dipilih bagi menambah pengetahuan tentang hal tersebut.

Majlis Daerah Hulu langat dan Pihak Berkuasa Tempatan Perancang Tempatan Hulu langat (1996) dalam laporan pemeriksaannya telah mendapati dalam tahun 1980

terdapat beberapa sektor pekerjaan yang wujud di daerah ini iaitu 1) sektor pertanian, perhutanan, perlombongan dan kuari, 2) sektor pembuatan dan pembinaan serta 3) sektor perdagangan, perhotelan, kewangan, insuran dan perniagaan. Hasil kajian 55% sumbangan diperolehi dari golongan pertama, 27% dari golongan kedua dan sumbangan terkecil 18% dari golongan yang ketiga .

Menjelang 1991 peningkatan yang pesat berlaku dalam sektor pembuatan dan perniagaan yang memberi catatan sebanyak 36%. Ini adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sektor pembinaan dan perniagaan di Daerah Hulu Langat. Sementara itu penurunan dalam sektor pertanian dijangka akan berlaku pada 1995 sebanyak 6% dan 1.2% pada tahun 2020.

Hasil kajian juga didapati dalam tahun 1980, 59.5% tenaga buruh telah digunakan iaitu terdiri dari 83.4% pekerja lelaki dan 35.1% pekerja perempuan. Penyertaan tenaga buruh di Daerah ini meningkat kepada 86.6% dalam tahun 1991. Ini membawa kepada peningkatan jumlah pekerja iaitu 86% pekerja lelaki dan 50.3% pekerja perempuan. Perubahan ekonomi yang berlaku ini menunjukkan bahawa akan wujudlah tenaga buruh yang lebih terdorong untuk mencari kerja yang moden dan meninggalkan sektor pertanian.

Ini bersesuaian dengan sektor-sektor pekerjaan yang moden yang telah wujud di Daerah ini seperti industri perkilangan, perhotelan, perdagangan dan pembuatan.

Mengikut laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Daerah Hulu Langat, berdasarkan pelan Tindakan Perindustrian Negeri Selangor, Daerah Hulu Langat akan dijadikan sebagai sebuah daerah yang bersifat "hi-tech" dan industri. Terutamanya apabila kedudukannya adalah di antara kawasan - kawasan yang sedang membangun

dengan pesat iaitu Kuala Lumpur, Bandar Baru Bangi dan Putra Jaya (KLIA). Kawasan-kawasan ini akan memberi satu kesan yang hebat kepada Daerah Hulu Langat.

Perubahan yang berlaku dalam sektor ekonomi, pendidikan, peningkatan jumlah penduduk dan tenaga buruh di Daerah Hulu Langat telah mewujudkan pelbagai bidang pekerjaan. Oleh itu, apabila banyak pilihan kerjaya yang boleh dibuat, dilema pula yang timbul. Kerana tidak tahu yang mana satu pekerjaan yang sesuai untuk individu tertentu. Adakan pekerjaan itu sesuai dengan minat kerjayanya atau terpaksa mengisi jawatan kosong yang ada.

Sehubungan dengan kenyataan di atas, pengkaji berminat dan tertarik untuk menjalankan kajian untuk melihat sejauhmana minat pelajar-pelajar sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya yang diceburi, perbezaan minat kerjaya di kalangan jantina dan bangsa dan adakah minat kerjaya pelajar ditentukan oleh persekitaran.

1.3 Kepentingan Kajian

Setiap individu perlu membuat keputusan mengenai kerjaya dan pemilihan kerjaya kerana kerjaya akan menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang individu di samping membentuk identiti individu di dalam masyarakat. Justeru itu, pada pandangan pengkaji, pemilihan kerjaya perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar dari tingkatan satu lagi dan bukannya ketika melanjutkan ke tingkatan empat. Khususnya di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional.

Di samping itu, minat Vokasional juga perlu diukur untuk menyempurnakan proses pemilihan kerjaya. Pengukuran ini memberi gambaran tentang apa yang diminati

oleh pelajar dan apa yang tidak diminati oleh pelajar. Secara tidak langsung, dapat menentukan pelajar membuat keputusan dalam pemilihan bidang akademik dan kerjaya serta meminimalkan kesilapan dalam membuat pemilihan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan kerjaya seperti unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian sekolah Kementerian Pendidikan dan Hal Ehwal murid, Jabatan pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Teknikal supaya mereka dapat membuat perancangan yang sesuai dengan keperluan minat dan keperluan persekitaran serta memastikan pelajar-pelajar telah terdedah dengan maklumat-maklumat kerjaya supaya mereka lebih jelas lagi tentang tujuan dan matlamat mereka dalam membuat pemilihan kerjaya.

Kajian ini juga boleh membantu pengkaji dalam memberi maklum balas kepada guru kaunseling sekolah dan membantu untuk mengubahsuai program kerjaya yang akan dilaksanakan di sekolah untuk memastikan sumber maklumat yang diberikan kepada pelajar adalah cukup jelas dan menepati kehendak pelajar-pelajar.

Secara kesimpulannya, penyelidikan ini adalah untuk memastikan lebih dekat lagi tentang sejauhmanakah minat pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap bidang kerjaya yang dipilih dan ditempo.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat sejauhmanakah minat kerjaya di kalangan pelajar di sebuah Sekolah Menengah Teknik dan juga ingin mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar seperti

jantina, bangsa, persekitaran tempat tinggal dan tahap pendidikan ibubapa. Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai beberapa tujuan utama iaitu;

- 1) Mengkaji perbezaan minat kerjaya pelajar berdasarkan bangsa.
- 2) Mengkaji perbezaan minat kerjaya pelajar berdasarkan jantina.
- 3) Mengkaji pengaruh persekitaran terhadap minat kerjaya pelajar.
- 4) Mengkaji perhubungan antara pengaruh tahap pendidikan ibubapa terhadap minat kerjaya pelajar.
- 5) Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat kerjaya pelajar.

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Oleh itu, hipotesis pengkaji untuk menjalankan kajian ini berdasarkan kepada permasalahan kajian dan objektif kajian ialah;

1. Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya antara jantina pelajar lelaki dan perempuan Sekolah Menengah Teknik.

Kajian yang dilakukan oleh Olive(1971), Hansen(1988), Munson(1990) dan Rohany(1981) mendapati perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya para pelajar berdasarkan jantina.

2. Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya di kalangan bangsa di Sekolah Menengah Teknik. Berdasarkan kajian lepas, terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar pelbagai bangsa. Kajian-kajian ini termasuk kajian Carter dan Swanson(1990), Hill Pettus dan Heddin(1990) dan Tomlinson dan Evan Huges(1991).

3. Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya pelajar berdasarkan persekitaran tempat tinggal.

Hipotesis ini dibina berdasarkan keputusan kajian lepas yang menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap pengaruh persekitaran tempat tinggal terhadap minat kerjaya pelajar.

4. Tidak terdapat kaitan antara tahap pendidikan ibubapa dengan minat kerjaya pelajar.

Hipotesis ini dibina berdasarkan kajian lepas yang menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap pengaruh tahap pendidikan ibubapa terhadap minat kerjaya pelajar (Kahl, 1966).

1.6 Soalan-Soalan kajian

- 1) Apakah jenis pekerjaan yang dipilih oleh pelajar ?
- 2) Adakah terdapat perbezaan minat kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan perempuan?
- 3) Adakah perbezaan pemilihan kerjaya di kalangan bangsa?
- 4) Sejauhmanakah pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh persekitaran tempat tinggal?
- 5) Adakah ibu bapa memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya pelajar?
- 6) Adakah pemilihan kerjaya di kalangan pelajar dipengaruhi oleh taraf pendidikan ibu bapa?

1.7 Batas Kajian

Untuk mentadbirkan soal selidik, kajian ini dihadkan kepada sebuah Sekolah Menengah Teknik di daerah Hulu Langat, Negeri Selangor yang dipilih berdasarkan beberapa faktor utama iaitu kedudukan sekolah, tingkatan, khusus yang ditawarkan dan saiz sekolah. Sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Teknik Kajang yang terletak hampir dengan bandar. Sekolah ini dipilih kerana sekolah ini merupakan sekolah yang menawarkan pelbagai kursus yang terdiri daripada jurusan teknik dan vokasional yang lebih menjuruskan kepada pemilihan kerjaya untuk masa depan. Sekolah yang dipilih mempunyai tingkatan empat. Kajian ini melibatkan 41 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Batasan sebegini terpaksa diambil memandangkan masalah pengawalan, pentadbiran soal selidik, masa dan kewangan di samping untuk menjadikan kajian ini lebih bermakna.

1. Definisi Istilah

1.8.1 Kerjaya

Kerjaya menurut Super (1957) ialah meliputi persediaan-persediaan sebelum seseorang itu menceburkan dirinya dalam dunia pekerjaan dan pekerjaan-pekerjaan yang akan dilakukan selepas bersara. Sementara itu, Tolbert (1974) mengatakan kerjaya sebagai satu rangkaian pekerjaan di mana seseorang individu melibatkan diri. Ada individu yang mungkin kekal dengan satu pekerjaan sepanjang hayatnya dan ada

individu yang sering bertukar-tukar pekerjaannya.

Muht. Mansur Abdullah(1986) pula menyatakan bahawa kerjaya merupakan keseluruhan bidang kerjaya yang dialami oleh seseorang individu sepanjang hidupnya. Dalam penulisan Sidek (1996), Ivey dan Morril membuat kesimpulan bahawa proses kerjaya adalah satu proses yang berterusan yang mana melibatkan diri dalam tugas perkembangan yang perlu untuk perkembangan peribadi dalam dunia pekerjaan.

1.8.2 Minat

Minat didefinisikan sebagai satu kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objek. Strong (1964) berpendapat apabila seseorang itu suka pada sesuatu objek dan bersedia untuk menunjukkan reaksinya terhadapnya.

1.8.3 Minat Kerjaya

Strong (1964) menyatakan bahawa minat adalah perasaan, daya gerakan dan jumlah masa penglibatan sesuatu aktiviti. Oleh itu, minat kerjaya boleh ditakrifkan sebagai suatu kecenderungan terhadap sesuatu aktiviti kerjaya. Kesimpulannya minat kerjaya bolehlah dikatakan sebagai segala minat kepada aktiviti-aktiviti, hubungan-hubungan dan tugas-tugas yang berhubung dengan pekerjaan (Tolbert 1974).

1.8.4 Pelajar

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pelajar adalah penuntut atau orang yang memperdalamkan pengetahuannya tentang sesuatu bidang ilmu. Sementara itu, dalam konteks kajian ini pelajar adalah penuntut atau murid murid yang masih bersekolah dalam tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Kajang. Mereka mengikuti pelbagai kursus dari jurusan teknik dan vokasional. Iaitu pengajian kejuruteraan (PKJ), pengajian penyejukan udara (PPU) dan Automotif (AUTO).